

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 1410 HIJRAH/1990 MASIHI

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 26 APR 1990

MASA:

Bismillahir rahmanir rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Allahu Akbar.
Allahu Akbar.
Allahu Akbar.
Walillahilhamd.

Alhamdulillah, sekali lagi kita umat Islam dapat merayakan kemenangan kita; kemenangan melawan nafsu dalam semua aspek sepanjang bulan Ramadan yang mulia. Ibadat puasa, sebagai satu daripada Rukun Islam, adalah salah satu cara untuk menanam perasaan keinsafan serta kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala yang telah mencururkan kepada kita bermacam-macam nikmat.

2. Hari yang mulia ini selalunya disambut dengan segala adunan dan juadah, berpakaian baru dan cantik dengan perhiasan yang berwarna-warni. Memanglah kita harus bergembira dan menikmati berbagai-bagai hidangan, tetapi janganlah kita menyambut hari yang mulia ini dengan keseronokan semata-mata. Kita hendaklah juga menyambut hari kebesaran ini mengikut lunas-lunas yang tertentu. Hari Raya tetap hari untuk bergembira. Tetapi agama Islam juga menggalakkan kita merayakan hari yang mulia ini dengan membanyakkan amalan-amalan yang membuktikan kesyukuran kita serta kesedaran bahawa ibadat puasa yang telah kita tunaikan perlu memberi kesan kepada nilai-nilai hidup kita secara berpanjangan daripada segi lebih insaf akan apa juga nikmat yang ada pada kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala ke atas kesihatan yang dikurniakan kepada kita untuk menunaikan ibadat puasa selama sebulan. Kita bersyukur kerana kita diberi rezeki bagi menampung diri dan keluarga, kerana negara aman, stabil dan damai, dan atas segala-gala yang kita nikmati setiap hari. Kita tidak mungkin dapat menghitung segala nikmat Allah tetapi janganlah kita lupa akan nikmat-nikmat itu, dan sebaliknya merenung akan keburukan nasib kita. Tiap seorang daripada kita tetap ada apa yang kita anggap sebagai nasib yang malang. Jika kita menumpukan akan nasib yang kita anggap malang ini, kita tidak akan dapat menghargai nikmat yang telah kita terima daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Oleh itu semasa kita menyambut kemenangan kita, hitungkanlah nikmat kita supaya kita menjadi umat Islam yang insaf dan tahu bersyukur.

Insyallah, kita akan memperolehi kebahagiaan.

4. Perasaan syukur akan menjadikan kita muslimin dan muslimat umat yang insaf, bertakwa dan kuat berpegang kepada luno-luno yang diredai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Allah Subhanahu wa Ta'ala menjanjikan nikmatNya yang bertambah kepada orang-orang yang bersyukur. Pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama bersyukur, bukan sahaja dengan takbir dan tahmid, tetapi juga merenung dengan penuh insaf dan syukur serta menghitung akan pemberian Allah yang kita nikmati sepanjang hari, sepanjang bulan, sepanjang tahun bahkan sepanjang masa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Ekonomi negara kita sudah empat tahun berturut-turut menempa perkembangan yang baik. Pertumbuhan ekonomi negara kita pada tahun 1989 yang lalu ialah 8.5% -- tahun kedua berturut-turut di mana pertumbuhan ekonomi negara melebihi 8%. Pertumbuhan ekonomi ini mempunyai erti secara langsung kepada kita semua kerana ia memberi peluang untuk kita bekerja, melariskan perniagaan kita sama ada kecil atau besar, membolehkan kita menikmati kemudahan-kemudahan yang lebih baik yang disediakan oleh kerajaan dan swasta serta memperbaiki kualiti hidup kita. Kita tahu akan kesan buruk kemelesetan yang kita alami baru-baru ini, dan dengan itu pemulihan ekonomi sekarang lebih bermakna kepada kita. Pertumbuhan ekonomi negara yang baik bukanlah bahan kebanggaan Kerajaan, tetapi adalah untuk dinikmati bersama oleh rakyat keseluruhannya.

6. Kerajaan berpuashati kerana banyak projek pembangunan telah dapat dilaksanakan dengan adanya kestabilan dan pemulihan ekonomi. Amatlah buruk akibatnya jika negara kita diserang dengan gejala-gejala seperti tunjuk perasaan, mogok, penggunaan kekerasan untuk menggulingkan kerajaan, rusuhan kaum dan lain-lain tindakan di luar undang-undang yang sering berlaku di negara-negara lain. Tetapi ini semua tidak berlaku di negara kita kerana majoriti rakyat menghargai kestabilan dan perpaduan. Rakyat Malaysia juga menghormati kuasa yang diberikan kepada agensi-agensi kerajaan seperti polis dan tentera untuk menjaga keamanan dan keselamatan. Percubaan menghalang pihak polis daripada menjalankan tugas-tugas mereka atau percubaan mengambilalih tugas-tugas polis atau take the law into your own hands, amatlah merbahaya. Jika satu pihak mencubanya, maka pihak yang lain pula akan cuba mengambil tindakan yang sama. Sekiranya ini berlaku maka akan runtuhlah aturan sosial atau there will be a breakdown in social order, dan akan tercetuslah anarki. Jika anarki berlaku kehidupan kita tidak lagi akan selamat. Huru-hara akan menimpa kita. Seperti mana yang kita lihat di beberapa negara lain, sekali anarki tercetus amatlah sukar untuk memulihkan keadaan. Oleh itu awasi dan peliharalah kestabilan negara kita. Tidak ada sesiapa yang akan untung, sama ada orang Islam atau bukan Islam, jika kestabilan dan keamanan negara musnah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Semasa kita menyambut Hari Raya Aidilfitri yang mulia ini, sebahagian daripada anggota tentera, polis dan pasukan keselamatan kita, serta lain-lain perkhidmatan, seperti perkhidmatan perubatan, sedang menjalankan tugas-tugas mereka. Di samping kita merayakan hari yang mulia ini bersama-sama keluarga masing-masing, marilah kita berdoa semoga mereka yang sedang bertugas sentiasa sihat dan selamat menjalankan tugas-tugas mereka.

8. Kepada para muslimin dan muslimat, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan semoga kita semua mendapat hidayat daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Kepada saudara-saudari yang bukan Islam, rayakanlah hari kebesaran ini bersama-sama dengan rakan-rakan Islam anda. Bagi mereka yang akan menggunakan jalanraya semasa musim cuti dan seterusnya, berhati-hatilah. Adalah lebih baik lambat asalkan selamat. Pandulah dengan cermat supaya hari raya tidak diselubungi dengan kesedihan.

9. Akhir kata, saya serta keluarga saya memohon maaf, zahir dan batin, di atas apa jua kesilapan yang mungkin telah kami lakukan kepada sesiapa selama ini. Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

Allahu Akbar.

Allahu Akbar.

Allahu Akbar.

Walillahilhamd.